

23/06/1999

Pas tidak rasa terancam

BACHOK, Selasa - Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengakui Tengku Razaleigh Hamzah mempunyai pengaruh politik yang kuat di negeri ini pada masa dulu, tetapi menganggap pelantikannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan tidak akan mengancam Pas.

Beliau yang juga Mursyidul Am Pas berkata, suasana sekarang berbeza kerana bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) itu didakwa banyak membuat masalah.

Bagaimanapun, beliau tidak menjelaskan apakah maksud masalah itu kerana tidak mahu menyentuh peribadi Tengku Razaleigh.

"Masalah peribadi ini, saya tak nak sebut banyak. Tapi orang Kelantan kenal siapa dia," katanya hari ini, mengulas pelantikan Tengku Razaleigh sebagai Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan menggantikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memegang jawatan itu sejak 1990.

Nik Abdul Aziz berkata, parti itu menentang Umno kerana perbezaan dasar dan bukannya kerana pergeseran peribadi dengan mana-mana pemimpin Umno, termasuk Tengku Razaleigh sendiri.

Sebaliknya, kata beliau, sebagai pejuang Islam sebarang penentangan yang berlaku antara beliau dengan pemimpin Pas lain dengan pemimpin Umno, adalah atas dasar parti.

(END)